



MASJID AL-KARIM GEDUHOM, SIMBOL KEUTUHAN WAKAF DAN KESATUAN UMMAH

KUALA PILAH, 26 MAC 2025 – Pembinaan Masjid Al-Karim Qaryah Geduhom yang bernilai RM6.8 juta merupakan bukti kukuh keberkesanan konsep wakaf dalam memperkukuh institusi Islam dan pembangunan ummah, kata Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Dato' Seri Dr. Abdul Aziz B. Sheikh Ab. Kadir.

Berucap pada Majlis Penyerahan dan Pengisytiharan Masjid Al-Karim Qaryah Geduhom di sini, beliau merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya pewakaf utama, Tuan Haji Azman bin Karim yang telah mewakafkan tanah dan membiayai pembinaan masjid tersebut.

"Masjid ini bukan sahaja dibina hasil keikhlasan pewakaf, malah turut mendapat sumbangan orang ramai melalui kutipan wakaf sebanyak RM748,778.35. Ini mencerminkan semangat kebersamaan dan kepedulian masyarakat terhadap pembangunan institusi Islam," katanya.

Masjid baharu itu yang dibina bagi menggantikan masjid lama yang telah uzur, kini mampu menampung 600 jemaah pada satu-satu masa dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas termasuk bilik mesyuarat, bilik pegawai dan ruang pengurusan jenazah.

Nama Masjid Al-Karim diabadikan bersempena nama ayah pewakaf utama, Tuan Haji Karim, dan telah mendapat perkenan YTM Dato' Undang Luak Johol.

Dalam ucapannya, Dato' Seri Dr. Abdul Aziz turut menyeru masyarakat agar terus menyumbang kepada dana wakaf MAINS, yang turut digunakan untuk pembinaan institusi pendidikan Islam, kemudahan kesihatan dan kebajikan masyarakat.

"Dana wakaf bukan hanya dimanfaatkan untuk pembinaan masjid, malah turut disalurkan kepada penyediaan peralatan kesihatan, pembangunan Madrasah, Pusat Tahfiz dan kemudahan pembelajaran seperti komputer dan peralatan ICT," ujarinya.

Beliau menegaskan bahawa masjid tidak hanya berperanan sebagai pusat ibadah semata-mata, sebaliknya berfungsi sebagai pusat keilmuan,

pembangunan kerohanian dan perkhidmatan sosial kepada masyarakat setempat.

Beliau berharap agar Masjid Al-Karim Qaryah Geduhom terus diimarahkan dengan aktiviti bermanfaat dan menjadi pusat penyatuan serta kemakmuran komuniti Islam di kawasan tersebut.

Pengisytiharan solat bagi Masjid Al-Karim Qaryah Geduhom telah disempurnakan oleh YB Sohibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Faudzinaim bin Hj. Badaruddin, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.



ADUAN PERKHIDMATAN MAINS

Kami komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada anda. Jika anda mempunyai sebarang aduan berkaitan perkhidmatan MAINS, sila salurkan melalui salah satu saluran berikut:



EMAIL
aduan@mains.gov.my



WEBSITE
www.mains.gov.my



Aplikasi MAINS PAY



Talian Untuk Dihubungi
06 - 765 1402

"ADUAN ANDA. KEUTAMAAN KAMI"

Seremban



Majlis Ramah Mesra MAINS Bersama Media 2025 yang diadakan di Klana Resort, Seremban telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Abdul Aziz bin Ab Kadir, Pengerusi MAINS. Majlis ini merupakan inisiatif bagi mengukuhkan jalinan kerjasama strategik antara MAINS dan pihak media, yang sentiasa memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat serta mempromosikan perkhidmatan MAINS kepada masyarakat.

Rahang



Seramai 80 orang bukan Muslim berbangsa Cina hadir ke Kompleks As-Sa'adah MAINS, Rahang bagi menyaksikan pelaksanaan Solat Sunat Aidilfitri.

Rembau



Program singgah sahur bagi menyantuni asnaf, petugas barisan hadapan, Rumah jagaan anak yatim dan miskin serta madrasah tahfiz terpilih telah dilaksanakan oleh MAINS di sekitar daerah Tampin dan Rembau sebagai usaha menyantuni dan ramah mesra bersempena bulan ramadan.

Kuala Pilah



Seramai 33 orang pelajar Darul Asnaf Seri Tanjung (DAST) MAINS telah menyertai Majlis Khatam al-Quran sempena Program Ihya Ramadan yang berlangsung di Masjid Jamek Yam Tuan Raden, Kuala Pilah.

Rembau



Program MAINSCare melalui dana fidyah memberi manfaat juadah RMT kepada 14,097 murid kurang berkemampuan di 209 sekolah seluruh Negeri Sembilan

Teluk Kemang



Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus merangkap Pengerusi Jawatankuasa Rukyah Negeri Sembilan, Prof. Madya Dato' Dr. Faudzinaim Badaruddin hadir di Majlis Cerapan Anak Bulan Syawal 1446H yang berlangsung di Kompleks Baitul Hilal MAINS, Teluk Kemang.

Seremban



MAINS (Daerah Seremban) menziarahi dan menyampaikan sumbangan wang tunai segera kepada Muhammad Alif Haikal Mohd. Sani yang kini bergelar yatim piatu setelah kehilangan ayahnya baru-baru ini dan dijaga sepenuhnya oleh keluarga saudaranya di Kampung Semarak, Rahang.

Tampin



MAINS (Daerah Tampin) telah mengadakan Ops Bazar di Bazar Ramadan Tampin dengan tujuan menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh MAINS.